

BULETIN EPIDEMIOLOGI BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



FOKUS UTAMA

- Mesyuarat Pertama Rangkaian One Health ASEAN
- Op Selamat PaPa
- Measles-Rubella Supplementary Immunisation Activity (MR SIA)
- Majlis Pelancaran "Live, Laugh, Lungs"
- Sesi Libat Urus dan Sanjung Saujana Rakan Strategik Pengurangan Garam Kebangsaan
- Majlis Peluncuran Program Santuni MADANI dan Kampung Angkat MADANI Ketua Pengarah Kesihatan

KESIAPSIAGAAN SURVELAN & RESPON

- Event-Based Surveillance
- Rumor Surveillance
- Malaysia Influenza Surveillance

PENYAKIT BERJANGKIT

- Penyakit Tangan, Kaki & Mulut (HFMD)
- Hepatitis A
- Disenteri
- Keracunan makanan
- Hepatitis B
- Gonorrhoea
- Mpox
- Tuberkulosis

SIDANG REDAKSI ISI KANDUNGAN

Penaung:

Dr. Ismuni bin Bohari
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)

Penasihat:

Dr. Noraryana binti Hassan
Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit

Penyelaras:

Dr. Nor Zahrin binti Hasran
Timbalan Pengarah (Survelan Penyakit)

Pengarang:

- Sektor Kawalan & Pencegahan Penyakit CVD/Diabetes/Kanser
- Sektor Kawalan Tembakau dan FCTC
- Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis & Kecemasan
- Sektor Survelan Penyakit
- Sektor Informasi dan Dokumentasi
- Sektor Kawalan Zoonosis
- Sektor Kawalan VPD dan FWBD
- Sektor Kawalan Penyakit TB dan Kusta
- Sektor Kawalan HIV, STI dan HEP C

Ketua Penyunting:

Dr. Zuhaida binti A.Jalil
Ketua Sektor Informasi & Dokumentasi

Penyunting:

Pn. Intan Suhana binti Mohd Ali
Pn. Siti Nur Atiqah binti Mohd Radzuan
Pn. Norziela binti Rosli

FOKUS UTAMA

Mesyuarat Pertama Rangkaian
One Health ASEAN: Bengkel
"Inception Workshop of the
ASEAN-UK Health Security
Partnership (HSP) Pillar 3 1

Op Selamat PaPa: Langkah Tegas
Melindungi Generasi daripada
Ancaman Produk Merokok 1

Measles-Rubella Supplementary
Immunisation Activity (MR SIA) 2

Majlis Pelancaran *"Live, Laugh,*
Lungs" Sempena Sambutan Hari
Paru-Paru Sedunia 2025 2

Sesi Libat Urus & Sanjung Saujana
Rakan Strategik Pengurangan
Garam Kebangsaan 3

Majlis Peluncuran Program Santuni
MADANI dan Kampung Angkat
MADANI Ketua Pengarah Kesihatan
ke Kampung Mensudut Lama,
Segamat, Johor Darul Ta'zim 3

KESIAPSIAGAAN SURVELAN & RESPON

Survelan Notifikasi Penyakit
Berjangkit 4

Event-Based Surveillance 5

Rumor Surveillance 6

Malaysia Influenza Surveillance 7

PENYAKIT BERJANGKIT

Penyakit Tangan, Kaki & Mulut (HFMD) 8

Hepatitis A 9

Disenteri 10

Keracunan Makanan 11

Hepatitis B 12

Gonorrhoea 13

Mpox 14

Tuberkulosis 15

MESYUARAT PERTAMA RANGKAIAN ONE HEALTH ASEAN: BENGKEL “INCEPTION WORKSHOP OF THE ASEAN-UK HEALTH SECURITY PARTNERSHIP (HSP) PILLAR 3”

Putrajaya, 5 hingga 7 Ogos 2025 - Mesyuarat Pertama Rangkaian One Health ASEAN (*First Meeting ASEAN One Health Network (AOHN)*) telah diadakan secara bersekalikan (*back-to-back*) dan Bengkel “*Inception Workshop of the ASEAN-UK Health Security Partnership (HSP) Pillar 3*” di Putrajaya, Malaysia. Mesyuarat ini telah dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Sumber Asli dan Keterjaminan Alam Sekitar (NRES), Sekretariat ASEAN, Negara-Negara Anggota ASEAN dan rakan pembangunan.

Mesyuarat ini telah menghimpunkan seramai 146 orang delegasi daripada sektor kesihatan, pertanian, dan alam sekitar, bersama badan sektoral ASEAN, organisasi antarabangsa dan rakan teknikal. Mesyuarat ini merupakan penanda aras yang penting dalam usaha memperkukuh tadbir urus dan kerjasama serantau bagi pelaksanaan ASEAN One Health Joint Plan of Action (AOHJPA).



OP SELAMAT PAPA: LANGKAH TEGAS MELINDUNGI GENERASI DARIPADA ANCAMAN PRODUK MEROKOK

Kuala Lumpur, 1 Ogos 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan Operasi Selamat PaPa bertempat di Sport Hall, Kuala Lumpur Traders Square sebagai langkah memperkukuh penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852]. Operasi bersepadu ini melibatkan kerjasama pelbagai agensi seperti PDRM, JKDM, KPDN, PBT, DBKL dan LKTN.

Op Selamat PaPa memberi tumpuan kepada penjualan dan pengilangan produk merokok berbentuk permainan dan makanan, kesalahan promosi dan pengiklanan serta penjualan kepada orang belum dewasa (OBD). Tindakan tegas seperti rampasan, kompaun dan pendakwaan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan undang-undang.



Pelancaran turut berlangsung di semua negeri dengan penglibatan kerajaan negeri dan jabatan kesihatan negeri. Orang awam juga digalakkan menyalurkan aduan melalui WhatsApp 010-8608949 atau laman sesawang jomlapor.com.


Op Selamat PaPa menzahirkan komitmen kerajaan untuk melindungi kesihatan rakyat, mewujudkan persekitaran yang lebih selamat, bebas rokok, dan sihat untuk generasi akan datang.

MEASLES-RUBELLA SUPPLEMENTARY IMMUNISATION ACTIVITY (MR SIA)

Putrajaya - Aktiviti Imunisasi Tambahan Measles-Rubella atau *Measles-Rubella Supplementary Immunisation Activity (MR SIA)* dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mulai 4 Ogos 2025 hingga 12 Oktober 2025 di seluruh negara.

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh program imunisasi sedia ada dengan meningkatkan dan memulihkan tahap imuniti kelompok atau *herd immunity*, serta menyokong matlamat negara ke arah penghapusan atau eliminasi Measles menjelang tahun 2030. Sasaran imunisasi tambahan ini ialah kanak-kanak berumur 6 hingga 59 bulan, lahir antara 1 Ogos 2020 hingga 31 Januari 2025. Sehingga 31 Ogos 2025, sebanyak 721,340 kanak-kanak telah menerima vaksin MR dan MMR daripada 1.5 juta sasaran kanak-kanak dengan liputan imunisasi sebanyak 48.09%.

Lima (5) negeri yang mencatat liputan imunisasi tertinggi ialah Sabah (90.22%), diikuti oleh Melaka (80.56%), Wilayah Persekutuan Labuan (75.31%), Sarawak (73.05%) dan Johor (56.00%).



Gambar sekitar Program Aktiviti Imunisasi Tambahan Measles-Rubella (MR SIA) di Klinik Kesihatan Perak dan Pahang.

MAJLIS PELANCARAN “LIVE, LAUGH, LUNGS” SEMPENA SAMBUTAN HARI PARU-PARU SEDUNIA 2025

Petaling Jaya, 6 September 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Kenvue Malaysia dan Watsons Malaysia telah menganjurkan Kempen *Live, Laugh, Lungs* sempena Sambutan Hari Paru-Paru Sedunia Kebangsaan 2025. Majlis pelancaran kempen tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad pada 6 September 2025 di One World Hotel, Petaling Jaya. Tema tahun ini, *Healthy Lungs, Healthy Lives*, menekankan pentingnya penjagaan kesihatan paru-paru selari dengan Resolusi Kesihatan Paru-Paru yang diluluskan di Persidangan Kesihatan Sedunia 2025. Kempen berlangsung selama lima hari di Pusat Beli-Belah 1 Utama dengan aktiviti saringan kesihatan paru-paru menggunakan teknologi AI, perkhidmatan berhenti merokok, pendidikan interaktif dan pemberian vaksin influenza percuma kepada warga emas.

Seramai 1,487 pengunjung mengambil bahagian, termasuk 639 mendapat konsultasi perubatan, 84 menjalani saringan X-Ray dan 549 menerima vaksin influenza. Turut dilancarkan laporan “*Advancing Smoking Cessation in ASEAN: The Role of Nicotine Replacement Therapy (NRT)*” oleh *Social and Economic Research Initiative (SERI)*. Laporan ini mengkaji peranan NRT dalam meningkatkan kadar berhenti merokok di ASEAN serta mencadangkan langkah memperkukuh akses dan penggunaan NRT dalam rawatan berhenti merokok. YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad menegaskan penjagaan paru-paru adalah tanggungjawab bersama untuk kehidupan berkualiti. KKM komited memperkukuh kerjasama strategik dalam meningkatkan kesedaran kesihatan paru-paru.





SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELAKSANAAN AKTIVITI IMUNISASI TAMBAHAN MEASLES DAN RUBELLA BAGI KANAK-KANAK BERUMUR 6 HINGGA 59 BULAN DI SELURUH MALAYSIA

Putrajaya, 2 Ogos 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Aktiviti Imunisasi Tambahan Measles-Rubella (*Measles-Rubella Supplementary Immunisation Activity, MR SIA*) akan dilaksanakan mulai 4 Ogos 2025 hingga 12 Oktober 2025 di seluruh negara. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh program imunisasi sedia ada dengan meningkatkan dan memulihkan tahap imuniti kelompok atau *herd immunity*, serta menyokong matlamat negara ke arah penghapusan atau eliminasi Measles menjelang tahun 2030.

Sasaran imunisasi tambahan ini adalah kanak-kanak berumur 6 hingga 59 bulan, lahir antara 1 Ogos 2020 hingga 31 Januari 2025. Tujuan utama adalah untuk meningkatkan liputan imunisasi dan memberi perlindungan awal bagi mencegah penularan lebih meluas.

Measles dan Rubella merupakan penyakit yang sangat mudah berjangkit dan boleh menyebabkan komplikasi serius seperti jangkitan telinga, radang paru-paru (pneumonia), radang otak (encephalitis), cawan, dan kematian. Walau bagaimanapun, kedua-dua penyakit ini boleh dicegah melalui pemberian vaksin MMR (*Measles, Mumps, dan Rubella*). Di bawah Program Imunisasi Kebangsaan, vaksin MMR diberikan pada usia 9 bulan dan 12 bulan. Bagi negeri Sabah, satu (1) dos tambahan vaksin Measles diberikan pada usia 6 bulan.

Secara keseluruhan, liputan imunisasi di Malaysia melebihi 95% setiap tahun, termasuk pada tahun 2024. Namun begitu, hanya 62% daripada daerah mencapai liputan MMR melebihi 95% pada tahun tersebut (2024). Sasaran minimum 95% adalah penting untuk membentuk perlindungan kelompok dan mengawal penularan penyakit.

Statistik menunjukkan peningkatan hampir dua kali ganda kes Measles pada tahun 2024, dengan 3,791 kes berbanding 2,002 kes pada 2023. Jumlah wabak juga meningkat kepada 231 berbanding 112 pada tahun sebelumnya.

Selaryak 44.1 peratus kes melibatkan kanak-kanak bawah 5 tahun, manakala 28.9 peratus melibatkan bukaan warganegara, di mana 84.3 peratus daripada mereka tidak pernah divaksin. Tiga (3) kematian turut dilaporkan pada tahun 2024, melibatkan kanak-kanak bukan warganegara berusia 8 bulan, 3 tahun, dan 17 tahun. Kesemua kes ini tidak pernah menerima vaksin Measles.

KKM menyeru ibu bapa dan penjaga agar segera membawa anak-anak yang layak untuk menerima dos tambahan vaksin Measles-Rubella (MR) secara percuma. Jari temu akan dihantar melalui aplikasi MySejahtera, atau boleh membuat janji temu sendiri melalui aplikasi tersebut. Anak-anak yang layak juga boleh dibawa secara *walk-in* ke klinik kesihatan kerajaan. Pasukan *outreach* KKM akan turun turun padang ke sekolah, pusat komuniti, dan kawasan terpencil bagi memastikan tiada yang terlewat. Ini adalah sejar dengan nilai MADANI yang kita terapkan - *Kesejahteraan dan Ihtisam*.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau klinik kesihatan berhampiran.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Kawalan Penyakit
Melalui
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesihatan Malaysia



SESI LIBAT URUS & SANJUNG SAUJANA RAKAN STRATEGIK PENGURANGAN GARAM KEBANGSAAN

Putrajaya, 3 September 2025 – Pelan Tindakan Global untuk Pencegahan dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (PTB) 2013 telah menetapkan pengurangan garam sebagai salah satu intervensi yang berkesan untuk mengurangkan tekanan darah. Kajian pengambilan garam dalam kalangan rakyat Malaysia, *Malaysian Community Salt Survey* (MyCoSS 2018) mendapati bahawa purata pengambilan garam adalah sebanyak 7.9 gram atau bersamaan dengan 1.6 sudu teh sehari. Manakala hasil terbaru Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2024 menunjukkan sedikit penurunan dalam prevalen pengambilan garam dalam kalangan rakyat Malaysia kepada 7.3 gram sehari. Walau bagaimanapun ianya masih melebihi saranan pengambilan garam yang telah ditetapkan oleh Kesatuan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu sebanyak 5 gram.

Untuk memacu pengurangan garam di Malaysia, Bahagian Kawalan Penyakit telah menghasilkan Salt Reduction Policy of Malaysia for Out-of-Home Sectors yang memberi tumpuan kepada strategi bagi sektor luar rumah seperti penghasilan produk makanan dan penyediaan menu yang lebih rendah garam bagi menyediakan pilihan yang lebih sihat kepada pengguna dan masyarakat.



Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan yang diberikan oleh rakan-rakan strategik KKM khususnya agensi penyelidikan seperti MARDI dan universiti awam serta industri makanan, Sesi Libat Urus & Sanjung Saujana Rakan Strategik Pengurangan Garam Kebangsaan telah diadakan pada 3 September 2025 bertempat di Auditorium Perdana, Jabatan Perdana Menteri yang telah disempurnakan oleh Pengarah Kawalan Penyakit, Dr. Noraryana binti Hassan.

Di samping perkongsian ilmu berkaitan garam dan kesihatan serta pengiktirafan terhadap usaha reformulasi produk, majlis ini turut menyaksikan Pelancaran Logo 10 Points Sodium dan buku Panduan Reformulasi Produk Mengikut Kategori Makanan.



MAJLIS PELUNCURAN PROGRAM SANTUNI MADANI DAN KAMPUNG ANGKAT MADANI KETUA PENGARAH KESIHATAN KE KAMPUNG MENSUDUT LAMA, SEGAMAT, JOHOR DARUL TA'ZIM

Segamat, 27 September 2025 – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Kawalan Penyakit dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Pejabat Kesihatan Daerah Segamat telah mengadakan Majlis Peluncuran Program Santuni MADANI dan Kampung Angkat MADANI Ketua Pegarah Kesihatan bertempat di Kampung Mensudut Lama, Mukim Buloh Kasap, Segamat. Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

Santuni Madani merupakan program yang dirancang untuk meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui libat urus pemimpin bersama penduduk dalam mengenal pasti isu berkaitan sosioekonomi, mencadangkan penyelesaian serta memenuhi keperluan kampung ini. Skop Santuni Madani melangkaui aspek kesihatan dan ini termasuk pendidikan, infrastruktur, keselamatan, kelestarian alam sekitar dan juga penyalahgunaan dadah yang akan ditangani melalui intervensi yang berkaitan.

Kampung Angkat Madani memberi fokus kepada usaha merapatkan jurang antara desa dan bandar dengan memberi tumpuan kepada kelengkapan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, lampu jalan, capaian internet serta kemudahan masyarakat. Melalui Santuni MADANI dan Kampung Angkat MADANI, Kampung Mensudut Lama menjadi kampung perintis kepada pendekatan Healthy Setting. Konsep ini memastikan semua aspek kesejahteraan komuniti diberi perhatian dan ini termasuk kesihatan, kebersihan, rekreasi, keselamatan, reka bentuk perbandaran, makanan selamat, kesejahteraan sosial, pendidikan, ketahanan terhadap perubahan iklim serta tadbir urus yang baik.



SURVELAN NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT

NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT YANG DILAPORKAN DARI ME 32 – ME 39
BAGI TAHUN 2024 DAN 2025

BIL	PENYAKIT	ME 32 – ME35 2025	ME 32 – ME35 2024	ME36 – ME39 2025	ME36 – ME39 2024
1	HFMD	13020	3762	6632	3664
2	DENGUE FEVER	3338	8317	2969	6938
3	COVID-19	3033	3209	2174	2343
4	TUBERCULOSIS	1938	2214	1874	2043
5	FOOD POISONING	1378	2586	1521	1423
6	HEPATITIS B	592	616	644	617
7	HEPATITIS C	417	464	440	322
8	SYPHILIS	442	458	323	465
9	GONORRHEA	335	335	273	309
10	HIV	264	289	213	223
11	MALARIA	231	247	155	203
12	LEPTOSPIROSIS	125	209	133	206
13	MEASLES	56	270	74	219
14	DYSENTERY	89	72	71	65
15	AIDS	64	109	48	86
16	FILARIASIS	105	76	35	17
17	LEPROSY	11	10	34	21
18	HEPATITIS A	39	12	24	8
19	TYPHUS	10	12	12	5
20	TYPHOID AND PARATYPHI	10	12	8	10
21	PERTUSSIS	12	14	7	8
22	RABIES	0	0	2	0
23	DIPHTHERIA	3	0	2	1
24	CHIKUNGUNYA	6	7	2	6
25	ZIKA VIRUS INFECTION	1	0	1	0
26	OTHERS VIRAL ENCEPHALITIS	2	0	1	1
27	MPOX	1	0	1	0
28	OTHERS TETANUS	1	0	1	3
29	OTHER SPECIFIED VIRAL HEPATITIS	3	0	0	1
30	JAPANESE ENCEPHALITIS	1	3	0	2
31	NEONATAL TETANUS	1	2	0	0


Sumber :

Sistem e-Notifikasi
Sistem NTBR, MyHansen, SM2, NAR, eDengueV2, eVekpro

- Tiada kes dilaporkan pada ME 32/2025 hingga ME 39/2025 bagi penyakit Acute Poliomyelitis, Plague, Relapsing Fever, Yellow Fever, Chancroid, Ebola, Nipah, Mers-CoV, Cholera dan Avian Influenza.
- Notifikasi berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan, Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan arahan pentadbiran.


EVENT-BASED SURVEILLANCE

NOTIFIKASI WABAK PENYAKIT YANG DILAPORKAN DARI ME 32 – ME 39 BAGI TAHUN 2024 DAN 2025					
BIL.	WABAK PENYAKIT	ME 32 - ME 35	ME 32 - ME 35	ME 36 - ME 39	ME 36 - ME 39
		2025	2024	2025	2024
1	DENGGI	368	953	273	624
2	HFMD	273	130	123	99
3	INFLUENZA	26	41	48	42
4	KERACUNAN MAKANAN	52	70	38	48
5	CHICKENPOX	22	35	17	25
6	TUBERKULOSIS	5	5	10	5
7	DISYAKI ROTAVIRUS	9	0	5	0
8	COVID-19	8	2	5	1
9	ROTAVIRUS	6	2	5	5
10	ILI	6	4	4	3
11	KONJUNKTIVITIS	4	6	3	3
12	HEPATITIS A	2	0	2	0
13	SCABIES	7	2	2	5
14	DIFTERIA	4	1	1	0
15	HERPANGINA	0	0	1	0
16	MPOX	1	0	1	1
17	LEPTOSPIROSIS	5	3	1	2
18	MEASLES	1	12	1	5
19	KOLERA	1	4	0	6
20	RESPIRATORY SYNCIAL VIRUS	1	0	0	1
21	MUMPS	1	0	0	0
22	DISYAKI NOROVIRUS	3	0	0	0
23	NOROVIRUS	1	0	0	0
24	DISYAKI ADENOVIRUS	1	0	0	0
25	ENTEROVIRUS	0	0	0	1
26	SALMONELLA NON THYPHOIDAL	0	0	0	2
27	AGE	0	24	0	12
28	PERTUSSIS	0	1	0	0




- Pada ME 32/2025 hingga ME 39/2025, sebanyak 1,347 kejadian wabak penyakit telah dilaporkan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024 sebanyak 2,185 kejadian wabak, menunjukkan penurunan sebanyak 38%. Kumulatif kejadian wabak yang telah dilaporkan sehingga ME 39/2025 adalah sebanyak 11,228.
- Wabak denggi menunjukkan penurunan yang ketara iaitu sebanyak 59% berbanding tahun sebelumnya, sekaligus menyumbang kepada penurunan kejadian wabak. Notifikasi wabak Denggi dan HFMD menyumbang 81% daripada jumlah wabak yang dilaporkan. Lain-lain wabak penyakit yang menyumbang sebanyak 19% pada ME 32/2025 hingga ME 39/2025 adalah seperti di Jadual Notifikasi Wabak Penyakit yang dilaporkan di atas.
- Bagi pelaporan Kejadian Bencana, Krisis dan Kecemasan (berskala besar), sebanyak 52 kejadian dilaporkan sepanjang ME 32/2025 hingga ME 39/2025, berbanding 26 kejadian pada tahun sebelumnya. Kejadian banjir dan tanah runtuh meliputi 78% daripada jumlah kejadian yang dilaporkan sepanjang ME 36/2025 hingga ME 39/2025, manakala kejadian kebakaran dan kemalangan jalan raya (berskala besar) meliputi 58% daripada jumlah kejadian yang dilaporkan pada ME 32/2025 hingga ME 35/2025.


RUMOR SURVEILLANCE

PEMANTAUAN STATUS ISYARAT RUMOR SURVEILLANCE
DARI ME 1/2025 – ME 39/2025

Nota: Status isyarat adalah berdasarkan penilaian risiko Event Screening Risk Assessment (ESRA) mengikut tahap keutamaan: Hijau (Acknowledgment); Kuning (Moderate) dan Merah (High Urgent)

ISYARAT KESIHATAN AWAM YANG DIREKODKAN
DARI ME 32/2025 – ME 35/2025

- Pemantauan status isyarat rumor berkaitan kejadian kesihatan awam bagi ME 1/2025 hingga ME 35/2025 merekodkan jumlah isyarat tertinggi pada ME 15/2025 dengan hampir 100 isyarat, diikuti peningkatan lain pada ME 30/2025. Secara keseluruhan, isyarat berstatus hijau kekal paling dominan berbanding kuning. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa minggu dengan peningkatan ketara isyarat amaran (Kuning), khususnya sekitar ME 6/2025 hingga ME 8/2025, ME 15/2025 hingga ME 17/2025, dan ME 29/2025 hingga ME 30/2025.
- Sementara itu, kemunculan isyarat merah pada ME 35/2025 adalah satu perkembangan yang perlu diberi perhatian serius kerana ia menandakan potensi risiko kesihatan awam yang lebih tinggi. Trend ini menunjukkan sistem pemantauan berfungsi aktif dengan majoriti isyarat berstatus hijau, manakala peningkatan isyarat kuning menandakan keperluan kewaspadaan tambahan pada minggu tertentu.
- Sepanjang ME 32 hingga ME 35/2025, isyarat kesihatan awam yang direkodkan melibatkan gempa bumi, rokok/vape, keracunan makanan, kebakaran dan ribut/angin kencang. Jumlah keseluruhan tertinggi berlaku pada ME 34/2025 dengan lebih 20 isyarat, dipacu oleh peningkatan laporan berkaitan rokok/vape serta keracunan makanan.
- Pada ME 35/2025, isyarat gempa bumi menunjukkan peningkatan ketara dengan 10 isyarat, menjadikannya kategori paling dominan dalam tempoh ini. Kategori lain kekal dilaporkan pada tahap sederhana, namun tetap menyumbang kepada gambaran menyeluruh status kejadian kesihatan awam yang dipantau.

ISYARAT KESIHATAN AWAM YANG DIREKODKAN
DARI ME 36/2025 – ME 39/2025

- Berdasarkan graf yang memaparkan data pemantauan status isyarat *rumours surveillance* dari ME 36 hingga ME 39 tahun 2025, terdapat trend yang membimbangkan di mana bilangan isyarat amaran (Kuning) dan bahaya (Merah) menunjukkan peningkatan yang ketara. Graf ini menunjukkan lonjakan yang konsisten dalam isyarat kuning, yang melambangkan pelbagai kejadian yang memerlukan perhatian segera.
- Peningkatan ini termasuk pelbagai bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, dan gempa bumi di beberapa lokasi seperti Pahang, Sabah, dan Johor. Isyarat Kuning juga meliputi isu kesihatan awam seperti wabak influenza di dalam dan luar negara. Walaupun isyarat Merah kelihatan kecil pada graf, ia mewakili insiden kritikal yang memerlukan tindakan segera. Ini termasuk kes kebocoran gas yang menyebabkan penutupan jalan, serta gempa bumi yang dirasai dan rekahan bukit yang memerlukan pengosongan segera.
- Secara keseluruhan, peningkatan isyarat Kuning dan Merah dari ME 36 hingga ME 39 menunjukkan tempoh dengan peningkatan risiko dan insiden kritikal. Ini menggambarkan beban kerja yang lebih tinggi bagi pihak berkuasa dan agensi berkaitan untuk menguruskan pelbagai kecemasan, daripada bencana alam hingga isu keselamatan awam.
- Pada ME 36, isyarat kesihatan awam yang dikenal pasti adalah kejadian gempabumi, diikuti beberapa laporan berkaitan banjir dan rokok/vape. Rumours berkenaan influenza/flu juga telah mula dikesan sejak minggu ini, menandakan permulaan peningkatan perhatian terhadap penyakit berkenaan.
- Pada ME 37, jumlah isyarat meningkat dengan tambahan isu kebakaran serta peningkatan ketara bagi rokok/vape dan banjir.
- Menjelang ME 39, jumlah keseluruhan isyarat menunjukkan trend penurunan, namun banjir kekal sebagai penyumbang utama, diikuti oleh influenza/flu dan gempabumi yang dilaporkan dalam jumlah kecil.



GEMPA BUMI

- Kejadian di Malaysia dan Antarabangsa - Siri gergar lemah berulung di Segamat menyebabkan keretakan kecil pada bangunan kerajan. METMalaysia dan pakar geologi mengeluarkan amaran serta kajian sesar bahu; walaupun gergar kecil, sitat berulung menimbulkan kebimbangan awam dan menegaskan keperluan kesiapsiagaan negara.
- Manakala, beberapa gempa besar melanda Iran, Turkiya, Papua, Rusia, Sulawesi dan Afghanistan (melibatkan korban jiwa).



ROKOK / VAPE

- Rokok - Ribuan notis dikeluarkan, 45,000 pelajar dikesan merokok, dan puluhan kes penyakit berkaitan direkodkan.
- Vape - KKM mencadangkan pengurangan rampasan besar-besaran dilaksanakan berkaitan keseimbangan kesihatan awam yang semakin meningkat, termasuk risiko yang boleh menjejaskan golongan kanak-kanak.



KERACUNAN MAKANAN

- Keracunan Makanan - Kes E. coli Salmonella, botulism dan insiden tempatan (kenduri, mi segera mentah, kari cendawan) termasuk beberapa kematian dilaporkan.
- Keselamatan Premis & Makanan - Isu kupang tercemar, antibiotik ternakan serta premis kotor; beberapa premis ditutup dan amaran keselamatan dikeluarkan.



ANGIN KENCANG / RIBUT

- Amaran & Fenomena Cuaca - Pelbagai amaran ribut petir, hujan lebat, dan angin kencang dikeluarkan di beberapa negeri; turut melibatkan ribut tropika Wipha dan Kajiki di Thailand serta kesan ribut tropika Filipina di Malaysia.
- Beberapa kerosakan termasuk bumbung semak dihancurkan, rumah rosak, trafik terjejas, serta hujan batu dan banjir yang menjejaskan penduduk.



GEMPA BUMI

- Malaysia - Segaran lemah dikesan di Segamat, Sri Medan dan perairan Batu Pahat, dikaitkan dengan kemungkinan sesar bahu, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) sedang jalankan analisis lanjut, dan tiada kerosakan serius dilaporkan. Pihak berkuasa negeri serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Johor berada dalam keadaan siaga dengan pemantauan berterusan.
- Kejadian Antarabangsa - Beberapa gempa bumi besar dilaporkan global, termasuk Afghanistan (6.0M), Kamchatka, Rusia (7.4M), Greece (5.4M) dan New South Wales, Australia. Kejadian ini menunjukkan peningkatan aktiviti seismik antarabangsa dengan impak ketara di beberapa kawasan.



KEBAKARAN

- Malaysia - Beberapa kebakaran kediaman, premis dan hutan kecil dilaporkan di Sibul, Kajang, Kuantan, Batu Caves dan RM. Kepong menyebabkan kerosakan harta dan dua kematian, namun bomba bertindak pantas mengawal situasi.
- Antarabangsa - Kebakaran hutan bahu dilaporkan di Portugal dan Sepanyol, memusnahkan kawasan luas termasuk kebun zaitun (olive plantation) serta memadamkan besar-besaran di beberapa wilayah utama.



BANJIR

- Malaysia - Banjir kilat dan tempatan dilaporkan di Hulu Langat, Tanjung Malim, Perak, Sabah dan Sarawak. Sabah paling terjejas, namun keadaan kini beransur pulih dengan pemantauan dan bantuan agensi berkaitan.
- Antarabangsa - Banjir besar melanda Pakistan, India, Kemboja dan Bolivia, mengorbankan ramai nyawa serta menjejaskan jutaan penduduk akibat monsun dan cuaca ekstrem.




INFLUENZA/FLU

- Malaysia - Situasi influenza di Pulau Pinang dilaporkan terkawal tanpa peningkatan ketara kes berbanding minggu sebelumnya. Tiada amaran baharu/wabak dilaporkan di negeri lain setakat ini.
- Antarabangsa - Beberapa negara melaporkan peningkatan kes influenza, termasuk H3N2 dan influenza haiwan (avian/swine flu) di India, Kanada dan Kemboja. WHO turut mengadakan konsultasi bagi penentuan komposisi vaksin influenza 2026 untuk hemisfera selatan.



MALAYSIA INFLUENZA SURVEILLANCE

TREND PEMANTAUAN ILI & SARI DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 39/2025





- Graf menunjukkan data sentinel surveilans ILI & SARI serta kadar positif influenza di Malaysia. Berdasarkan analisis epidemiologi dan virologi, terdapat peningkatan aktiviti influenza yang ketara. Dari ME 1/2024 hingga ME 35/2025, jumlah kluster ILI (*Influenza like-Illness*) menunjukkan pola turun naik. Peningkatan ketara berlaku antara ME 27/2024 dan ME 43/2024, dengan paras tertinggi sebanyak 26 kluster pada ME 27/2024. Dari segi klinikal, kadar konsultasi ILI melonjak dari sekitar 6% pada ME 36/2025 kepada lebih 8% pada ME 39/2025. Seiring dengan itu, kadar kemasukan SARI turut meningkat, mencapai lebih 10% pada ME 39/2025. Situasi ini menunjukkan penularan jangkitan di komuniti meningkat dan mencerminkan pertambahan kes yang lebih serius.
- Kadar kemasukan SARI (*Severe Acute Respiratory Infection*) kekal stabil dalam lingkungan 30% – 40% sepanjang tempoh pemantauan. Walau bagaimanapun, bermula pertengahan tahun 2025, kadar ini menunjukkan sedikit peningkatan sehingga melebihi 45% pada ME 35/2025. Kadar konsultasi ILI berada pada paras 15% – 25% pada awal 2024, dan meningkat ketara sekitar ME 30 – ME 35 dengan hampir 50%. Trend ini kemudiannya menurun kembali pada akhir 2024 dan kekal sederhana sepanjang 2025 (sekitar 20%–30%), dengan sedikit peningkatan pada ME 30/2025 – ME 35/2025. Pada tahun 2025, kadar kemasukan SARI mencapai paras tertinggi sekitar 9.3% pada ME 29 dan 9.4% pada ME 35. Bagi kadar konsultasi ILI, kemuncak sekitar 9.7% direkodkan pada ME 31/2024, manakala satu lagi kemuncak iaitu 6.78% pada ME 35/2025. Analisa surveilans makmal menunjukkan peningkatan trend kadar positif influenza daripada 15.6% pada ME 38 kepada 20.4% pada ME 39. Malahan, kadar positif influenza telah mencapai aras amaran (alert level) pada ME 39. Penularan didominasi oleh virus Influenza A (H3), iaitu strain bermusim, tanpa mutasi baharu dikesan. Secara keseluruhan, virus Influenza A adalah agen penyebab utama, menyumbang 77.05% daripada keseluruhan wabak.
- Bilangan kluster influenza menunjukkan lonjakan mendadak dari 3 kluster pada ME 38 kepada 15 kluster pada ME 39. Peningkatan ini berlaku terutamanya di institusi pendidikan, khususnya di sekolah menengah, sekolah rendah, dan tadika. Kenaikan ini juga selaras dengan musim cuti sekolah pada pertengahan September. Peningkatan kluster pada ME 39/2025 berlaku terutamanya di Selangor, yang melaporkan 9 kluster baharu. Dari segi kadar positif makmal, Negeri Sembilan mencatatkan peningkatan terbesar dari 19.6% kepada 36.0% antara ME 38 dan ME 39.
- Berdasarkan data FluNet WHO, setakat ini tiada perubahan ketara atau mutasi baharu dikesan pada strain influenza yang sedang beredar. Peningkatan trend dari ME 36 hingga ME 39 tahun 2025 perlu diberi perhatian. Pemantauan rapi jangkitan influenza akan diteruskan sehingga Februari 2026, selaras dengan tren peningkatan bermusim (*peak seasonal time*) dan peningkatan aktiviti persekolahan yang lazimnya mencetuskan peningkatan kes.
- Secara keseluruhan, aktiviti ILI dan SARI menunjukkan corak bermusim dengan peningkatan pada pertengahan tahun. Peningkatan terbesar dalam kluster ILI berlaku pada pertengahan tahun 2024, namun ia tidak diiringi lonjakan besar dalam kadar kemasukan SARI atau konsultasi ILI.

PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD)



BILANGAN KES HFMD PADA ME 32/2025 – ME 39/2025 MENGIKUT NEGERI	
Negeri	Bilangan Kes
Selangor	4,658
Sabah	2,332
Sarawak	2,067
Pulau Pinang	1,708
Perak	1,515
Johor	1,455
Kedah	1,244
WPKL & Putrajaya	1,130
Negeri Sembilan	962
Pahang	761
Kelantan	712
Melaka	506
Perlis	262
Terengganu	227
WP Labuan	113
Jumlah	19,652




BILANGAN WABAK DAN KES WABAK HFMD YANG LAPORKAN SEPANJANG ME 32/2025 – ME 39/2025 MENGIKUT KATEGORI LOKALITI				
Kategori Lokaliti	Wabak		Kes Wabak	
	Bil. (n)	Peratus (%)	Bil. (n)	Peratus (%)
Rumah persendirian	167	42.17%	373	32.35%
Tadika/Tabika	70	17.68%	253	21.94%
Sekolah	69	17.42%	212	18.39%
Taska	56	14.14%	189	16.39%
Pra sekolah	32	8.08%	120	10.41%
Pusat jagaan	2	0.51%	6	0.52%
Jumlah	396	100.00%	1153	100.00%

- Dalam tempoh ME 32/2025 hingga ME 39/2025, sebanyak 396 wabak dilaporkan dengan bilangan kes sebanyak 1,153. Bilangan wabak menunjukkan penurunan berbanding tempoh yang sama pada bulan sebelumnya. Bilangan wabak dengan bilangan kes tertinggi dilaporkan di lokaliti yang melibatkan institusi pendidikan awal kanak-kanak iaitu sebanyak 42.17%. Ini selari dengan bilangan kes di mana 70.2% adalah melibatkan kumpulan umur di bawah tujuh (7) tahun.
- Langkah kawalan yang diambil tertumpu kepada institusi pendidikan dan juga penglibatan komuniti termasuk sesi *townhall*, libat urus bersama agensi, serta penutupan premis samada di bawah Akta 342 dan secara sukarela berdasarkan penilaian risiko.


HEPATITIS A

- Pada ME 32/2025 hingga ME 39/2025, sebanyak 63 kes Hepatitis A telah didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi.
- Sehingga ME39/2025, sebanyak 231 kes Hepatitis A telah didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi melibatkan semua negeri kecuali Perlis. Negeri Sabah melaporkan jumlah kes tertinggi iaitu 122 kes (53%), di mana kes terbanyak dilaporkan di daerah Tawau (27 kes).
- Daripada 231 kes, sebanyak 25 kes berkaitan kluster/wabak, manakala selebihnya (206 kes) adalah kes sporadik. Analisa menunjukkan kumpulan umur 25–60 tahun mencatatkan jumlah tertinggi (147 kes, 64%). Perempuan mencatatkan jumlah kes yang hampir sama (119 kes) dengan lelaki (112 kes).
- Faktor risiko utama yang menyebabkan transmisi adalah kerangan yang telah tercemar disebabkan oleh masalah sanitasi, serta tidak dimasak sempurna. Justeru, kesedaran awam mengenai kepentingan amalan kebersihan dan pengambilan kerangan yang dimasak dengan sempurna perlu dipertingkatkan. Aktiviti pemeriksaan dan penguatkuasaan dipertingkatkan di premis makanan laut yang menjadi tumpuan utama di Sabah.



DISENTERI


- Pada ME 32/2025 hingga ME 39/2025, sebanyak 160 kes Disenteri telah didaftarkan dalam sistem e-Notifikasi. Semua kes dilaporkan adalah sporadik yang melibatkan rumah persendirian.
- Secara kumulatif pada tahun 2025, sejumlah 756 kes Disenteri telah didaftarkan dalam sistem e-Notifikasi. Daripada jumlah ini, sebanyak 213 kes melibatkan bayi berumur satu tahun dan ke bawah, menjadikan kumpulan tersebut paling berisiko berikutan tahap imuniti yang masih rendah. Purata pendaftaran kes mingguan ialah sebanyak 19 kes. Dari segi lokasi, negeri Selangor (daerah Petaling) mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 250.
- Disenteri mudah menular sekiranya kebersihan diri dan persekitaran tidak dijaga, terutamanya jika amalan membasuh tangan dengan air dan sabun tidak diamalkan selepas menggunakan tandas dan sebelum menyentuh makanan, penyediaan makanan yang tidak bersih serta penggunaan air tercemar. Orang awam disarankan untuk mengamalkan kebersihan diri, memastikan makanan dimasak dengan sempurna serta menggunakan sumber air bersih bagi mencegah penularan penyakit ini. Memandangkan kebanyakan kes adalah melibatkan kanak-kanak, amalan kebersihan sewaktu penyediaan makanan dan susu perlu dipertingkatkan. Negeri-negeri telah disarankan untuk meningkatkan pendidikan kesihatan terutamanya kepada ibu-ibu.



KERACUNAN MAKANAN

- Pada ME 32/2025 hingga ME 39/2025, sebanyak 2899 kes keracunan makanan didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi.
- Sehingga ME 39/2025, sebanyak 14,001 kes keracunan makanan telah didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi dari semua negeri. Negeri Selangor melaporkan jumlah kes tertinggi iaitu 2,380 kes (17%).
- Daripada 14,001 kes, sebanyak 10,919 kes berkaitan kluster/wabak, manakala selebihnya (3,082 kes) adalah kes sporadik. Analisis menunjukkan kumpulan umur 25–60 tahun mencatatkan jumlah tertinggi (3,862 kes, 28%). Perempuan mencatatkan jumlah kes yang lebih tinggi (7,340 kes) berbanding lelaki (6,661 kes).
- Faktor risiko utama yang menyebabkan kejadian keracunan makanan ialah pencemaran silang samada daripada pengendali, persekitaran, peralatan yang tidak bersih atau daripada bahan mentah. Selain itu, amalan penyimpanan makanan melebihi empat jam pada suhu yang tidak sesuai turut menyumbang kepada peningkatan risiko pencemaran makanan.
- Antara langkah kawalan dan pencegahan yang telah diambil adalah tindakan perundangan terhadap pengendali makanan yang terlibat, arahan pembersihan premis, pendidikan kesihatan kepada pengendali makanan serta pelajar, kempen-kempen kebersihan makanan, libatulus bersama institusi yang kerap melaporkan kejadian keracunan makanan serta semakan klausa bagi kontrak pengendali makanan melibatkan institusi.


TREND PENYAKIT KERACUNAN MAKANAN DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 39/2025




HEPATITIS B

- Pada ME 32/2025 hingga ME 39/2025 sebanyak 1236 kes Hepatitis B dilaporkan, di mana bilangan tertinggi adalah pada ME 39 iaitu sebanyak 158 kes. Sehingga ME 39/2025, sebanyak 5,967 kes Hepatitis B dilaporkan di seluruh negara, menunjukkan penurunan sebanyak 7.7% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024 iaitu 6,466 kes (Rajah 1). Negeri Sabah menyumbang 21.9%, dituruti Sarawak 19.1% dan Selangor 17.2% daripada keseluruhan kes Hepatitis B yang dilaporkan di Malaysia. (Rajah 2).
- Berdasarkan pencapaian tiga (3) tahun dalam tempoh ME1 sehingga ME39, negeri Perak, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan menunjukkan trend peningkatan kes yang berterusan manakala negeri-negeri lain menunjukkan trend yang tidak konsisten. (Rajah 3). Trend penyakit Hepatitis B bergantung kepada aktiviti pelaksanaan pengesanan kes. Aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan rutin didapati berkurangan pada tahun 2025 di mana 1% kes dikesan secara aktif dan 27% melalui saringan rutin; berbanding 3% dan 36% masing-masing pada tahun 2023. Pengesanan secara pasif menyumbang di antara 59% hingga 72% daripada keseluruhan kes untuk tempoh tiga (3) tahun. (Rajah 4).


RAJAH 1: TREND PENYAKIT HEPATITIS B DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2023 – ME39/2025




RAJAH 2: PERATUSAN BEBAN HEPATITIS B MENGIKUT NEGERI




RAJAH 3: TREND PENYAKIT HEPATITIS B MENGIKUT NEGERI TAHUN 2023 – ME39/2025




RAJAH 4: PENGESANAN KES HEPATITIS B TAHUN 2023 – ME 39/2025



RAJAH 5: PERATUS BEBAN HEPATITIS B MENGIKUT STATUS KEWARGANEGARAAN SEHINGGA ME39/2025




RAJAH 6: BEBAN HEPATITIS B MENGIKUT UMUR DAN STATUS KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA SEHINGGA ME39/2025



- Sehingga ME39/2025, bukan warganegara (BWN) menjadi beban Hepatitis B yang tertinggi di WP Kuala Lumpur iaitu 58.8% dari keseluruhan kes yang dilaporkan. Negeri-negeri yang mencatatkan peratusan kes BWN yang tinggi ialah Sabah 42.5%, WP Labuan dan Selangor masing-masing 32%, Pahang 26.5% dan Melaka 20.9% (Rajah 5). Berdasarkan umur, didapati empat (4) kes adalah berusia 5 tahun dan ke bawah di mana satu (1) daripadanya adalah BWN. Sebanyak 692 kes dari 4,383 kes Hepatitis B (15.8%) dalam kalangan warganegara (WN) yang berusia 36 tahun dan ke bawah dilaporkan. Kumpulan umur ini adalah penerima vaksin Hepatitis B dos kelahiran yang bermula pada tahun 1989. (Rajah 6).

GONORRHEA

TREND PENYAKIT GONORRHOEA DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 39/2025



- Berdasarkan analisis ME 32/2025 hingga 39/2025, bilangan kes gonorrhea menunjukkan penurunan berbanding minggu-minggu sebelumnya. Namun begitu, jumlah kes masih berada pada paras yang hampir setanding dengan tempoh sama pada tahun 2024 dan melebihi median lima tahun terdahulu.
- Sebanyak 608 kes gonorrhea dilaporkan dalam tempoh tersebut pada tahun 2025. Negeri-negeri yang mencatatkan bilangan kes tertinggi ialah Sarawak (135 kes), diikuti oleh Selangor (114 kes), Sabah (82 kes), dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (55 kes).

BILANGAN KES GONORRHOEA MENGIKUT NEGERI ME 32/2025 - ME 39/2025

NEGERI	ME32	ME33	ME34	ME35	ME36	ME37	ME38	ME 39	JUMLAH
JOHOR	9	6	6	6	3	14	1	1	46
KEDAH	5	2	1	2	2	3	3	2	20
KELANTAN	3	4	3	2	1	2	0	1	16
MELAKA	3	5	6	6	0	6	0	4	30
NEGERI SEMBILAN	6	1	1	3	1	1	2	1	16
PAHANG	6	0	2	7	4	5	3	1	28
PERAK	4	1	7	3	3	3	4	1	26
PERLIS	2	0	1	2	0	0	0	4	9
PULAU PINANG	1	5	1	1	2	2	5	0	17
SABAH	10	15	14	8	11	11	3	10	82
SARAWAK	12	17	24	13	13	10	26	20	135
SELANGOR	4	17	13	33	13	16	4	14	114
TERENGGANU	0	2	1	4	2	2	2	0	13
WP KUALA LUMPUR	7	4	7	7	8	3	9	10	55
WP LABUAN	0	0	0	0	0	1	0	0	1
MALAYSIA	72	79	87	97	63	79	62	69	608

- Secara keseluruhan, trend kes gonorrhea bagi ME 32/2025 hingga 39/2025 masih menunjukkan tahap pelaporan yang tinggi berbanding median lima tahun. Keadaan ini menandakan penularan jangkitan masih aktif dalam komuniti walaupun terdapat sedikit penurunan pada minggu terkini.
- Aktiviti kesedaran mengenai penyakit transmisi seksual ini akan terus dipertingkatkan bagi mencegah penularan jangkitan, terutamanya dalam kalangan kumpulan berisiko, selain mengesan dan merawat awal jangkitan.


MPOX

BILANGAN KES MPOX DI MALAYSIA BAGI DARI TAHUN 2023 SEHINGGA ME 39/2025					
Tahun	2023	2024	2025	Jumlah (n)	Peratus (%)
Bilangan Kes	9	2	6	17	
Negeri					
Johor	—	1	1	2	11.76%
Kuala Lumpur	6	1	1	8	47.06%
Sarawak	1	—	2	3	17.65%
Selangor	2	—	2	4	23.53%
Warganegara					
Ya	8	2	5	15	88.24%
Tidak	1	—	1	2	11.76%
Jenis Jangkitan					
Import	1	—	2	3	17.65%
Tempatan	8	2	4	14	82.35%
Kumpulan Umur					
20-24	2	—	1	3	17.65%
25-29	1	1	1	3	17.65%
30-34	3	1	1	5	29.41%
35-39	1	—	2	3	17.65%
40-44	1	—	1	2	11.76%
45-49	1	—	—	1	5.88%
Jantina					
Lelaki	9	2	6	17	100%
Perempuan	0	0	0	0	0%
Status Kesihatan (RVD Positif)					
Ya	4	—	5	9	52.94%
Tidak	5	2	1	8	47.06%

- Secara kumulatif, dari tempoh bermula tahun 2023 sehingga ME 39/2025, sebanyak 17 kes telah disahkan positif telah dilaporkan di Malaysia di mana sembilan (9) kes dilaporkan pada tahun 2023, dua (2) kes pada tahun 2024 dan enam (6) kes dilaporkan pada tahun 2025. Kesemua kes merupakan *clade IIb*. Daripada 17 kes yang dilaporkan, tiga (3) adalah kes import (17.65%). Sebanyak 15 kes melibatkan warganegara Malaysia (88.24%), manakala dua (2) kes melibatkan bukan warganegara.
- Kuala Lumpur melaporkan bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak lapan (8) kes (47.06%) diikuti dengan Selangor yang melaporkan sebanyak empat (4) kes (23.53%). Sarawak dan Johor masing-masing melaporkan sebanyak tiga (3) kes (17.65%) dan dua (2) kes (11.76%).
- Kesemua kes adalah lelaki dengan julat umur antara 24 hingga 47 tahun. Kes tertinggi dilaporkan dalam kumpulan umur 30 – 34 tahun iaitu sebanyak lima (5) kes (29.41%), diikuti dengan umur 20 – 24 tahun, 25 – 29 tahun, dan 35 – 39 tahun, masing-masing dengan tiga (3) kes (17.65%). Kes selebihnya berada dalam kumpulan umur 40 – 44 tahun sebanyak dua (2) kes (11.76%) dan satu (1) kes dalam kumpulan umur 45 – 49 tahun.
- Kesemua kes mempunyai faktor risiko jangkitan melalui hubungan seksual dengan sembilan (9) kes merupakan RVD positif (52.94%).
- Kawalan Mpox di Malaysia meliputi pengesanan aktif, pengukuhan survelan, pengasingan kes, ketersediaan vaksin dan antiviral, serta advokasi kepada kumpulan berisiko. Kemasukan mpox ke dalam Jadual Pertama Akta 342 membolehkan tindakan kawalan dilaksanakan dengan lebih berkesan di seluruh negara.

TUBERKULOSIS (TB)

TREND KES TB BAHARU DIDAFKARTAKAN DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 39/2025 DAN MEDIAN 5 TAHUN




- Pelaporan ini hanya mengambil kira kes TB baharu sahaja, selari dengan indikator yang dipantau oleh SDG 2030 dan End TB 2035 iaitu kadar insiden TB.
- Pada ME 32/2025 hingga ME 39/2025, sebanyak 3,812 kes baharu TB didaftarkan, penurunan sebanyak 367 kes (-8.8%) kes berbanding 4,179 kes baharu TB didaftarkan bagi tempoh sama pada tahun 2024.
- Penurunan kes TB baharu ini memberikan gambaran awal impak aktiviti pencegahan dan kawalan TB - terutama pengesanan, rawatan awal serta pematuan rawatan TB dan *Latent TB Infection* (LTBI).

ANALISA TREND KES TB BAHARU BAGI ME 32 - ME 39 TAHUN 2024 DAN 2025 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	Jumlah Kes Tbi Baharu		Perbezaan Jumlah kes	%	Kumulatif Kes Tbi Baharu		Perbezaan kumulatif kes	%	Kadar Insiden TB (setiap 100,000 penduduk) Tahun 2025
	ME 32 - ME 39	ME 32 - ME 39			ME 1 - ME 39	ME 1 - ME 39			
	2025	2024			2025	2024			
Sabah	936	959	-23	-2.4%	4,629	4,400	229	5.2	123.7
Selangor	757	905	-148	-16.4%	4,058	3,916	142	3.6	55.11
Sarawak	462	479	-17	-3.5%	2,209	2,387	-178	-7.5	87.72
Johor	292	295	-3	-1.0%	1,566	1,414	152	10.7	37.41
WPKL	234	292	-58	-19.9%	1,495	1,354	141	10.4	68.33
Perak	194	180	14	7.8%	925	967	-42	-4.3	36
Pulau Pinang	194	216	-22	-10.2%	967	986	-19	-1.9	53.71
Kedah	192	221	-29	-13.1%	924	961	-37	-3.9	41.67
Kelantan	142	152	-10	-6.6%	771	739	32	4.3	40.83
Pahang	131	155	-24	-15.5%	659	683	-24	-3.5	39.5
Terengganu	94	102	-8	-7.8%	453	470	-17	-3.6	36.77
Negeri Sembilan	87	89	-2	-2.2%	437	463	-26	-5.6	35.24
Melaka	51	97	-46	-47.4%	318	393	-75	-19.1	30.37
WP Labuan	28	19	9	47.4%	99	91	8	8.8	98.21
Perlis	18	18	0	0.0%	108	98	10	10.2	36.39
MALAYSIA	3,812	4,179	-367	-8.8%	19,618	19,322	296	1.5	57.6

TREND KEMATIAN TB DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 39/2025



- Bilangan kematian TB yang dilaporkan pada ME 32/2025 hingga ME 39/2025 adalah 103. Walau bagaimanapun, trend ini perlu ditafsir dengan berhati-hati kerana pengesanan pelaporan kematian TB dimuktamadkan pada akhir tahun.

- Peningkatan kejadian wabak TB dilaporkan pada bulan September 2025, yang mana 6 wabak baharu telah diisytiharkan pada ME 37/2025, menjadikan keseluruhan 10 wabak TB diisytiharkan sepanjang tempoh ME 36 hingga ME 39/2025. Daripada jumlah tersebut, 4 wabak melibatkan kontak serumah, 4 berlaku di institusi, dan 2 di tempat kerja. Jumlah kes adalah sebanyak 33 kes.
- Corak ini menunjukkan penularan aktif dalam persekitaran tertutup dan berisiko tinggi, khususnya di institusi dan isi rumah. Bagi mengawal dan mencegah perluasan jangkitan, tindakan pengesanan aktif dan saringan kontak secara menyeluruh telah dijalankan, serta pemberian rawatan pencegahan (TPT) telah dilaksanakan selaras dengan garis panduan semasa.

Diterbitkan oleh :

SEKTOR INFORMASI DAN DOKUMENTASI

Bahagian Kawalan Penyakit
Kompleks E, Aras 3, 4, 6 Blok E10
Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Presint 1,
62000 Putrajaya
03-8883 4272/4343/4348/4499
emel: sid_bkp@moh.gov.my